



جباتن كحاكيمن شرعية مليسيا

DEPARTMENT OF SYARIAH JUDICIARY MALAYSIA
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

TEL: 03-888 64800
FAKS: 03-888 91627

Y.A.A Ketua -Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah
Negeri-negeri

Arahan Amalan No. 10 Tahun 2007

**Amalan Pengesahan Talaq
Di Luar Dan Tanpa Kebenaran Mahkamah**

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil. 1 Tahun 2007 pada 28hb. hingga 30 Rabiulawwal, 1428H bersamaan 16hb. hingga 18hb. April 2007 di Melaka dan pengesahan Mesyuarat Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri Seluruh Malaysia Kali Ke 42 pada 25 Jamadilawwal, 1428H bersamaan 11 Jun, 2007M telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung dengan Amalan Pengesahan Talaq Di Luar dan Tanpa Kebenaran Mahkamah sebagaimana di Lampiran.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 15 Jun 2007.

(Datuk Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
PUTRAJAYA

LAMPIRAN

AMALAN PENGESAHAN TALAQ DI LUAR DAN TANPA KEBENARAN MAHKAMAH

Ketua Hakim Syarie menetapkan Amalan Pengesahan Talaq Di Luar dan Tanpa Kebenaran Mahkamah seperti berikut :-

1. Tertakluk kepada Hukum Syara', Mahkamah dalam mendengar dan memutuskan pengesahan talaq di luar dan tanpa kebenaran Mahkamah hendaklah berpuashati bahawa talaq itu telah memenuhi rukun-rukun talaq .

2. Mahkamah sebelum mengesahkan lafaz talaq, hendaklah terlebih dahulu menjalankan penyiasatannya melalui keterangan suami dan isteri telah memenuhi syarat-syarat talaq menurut Hukum Syara' seperti berikut hendaklah ditentukan -

(a) suami –

- (i) seorang yang baligh menurut Hukum Syara' ;
- (ii) seorang yang berakal ; dan
- (iii) melafazkan talaq dengan kerelaannya tanpa paksaan.

(b) isteri –

- (i) seorang yang sah bagi suami tersebut atau masih dalam eddah raj'ie ;
- (ii) jika lebih daripada seorang, hendaklah ditentukan isteri mana yang diceraikan itu.

3. (1) Mahkamah hendaklah sebelum mengesahkan sesuatu lafaz talaq di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah hendaklah memastikan bahawa lafaz perceraian itu dilafazkan dengan kerelaan bukan dengan paksaan.

(2) Mahkamah dalam menentukan kesahan lafaz talaq itu hendaklah –

(a) memastikan kedua-dua pihak kepada perkahwinan hadir ke Mahkamah ;

(b) sekiranya suami hadir, Mahkamah hendaklah memeriksa dan menyiasat sama ada suami mengaku atau menafikan dakwaan isterinya ;

(c) sekiranya suami enggan hadir, Mahkamah boleh mengeluarkan waran untuk menangkapnya bagi memastikan kehadiran suami.

(d) sekiranya suami mengaku dan Mahkamah berpuashati hendaklah mensabitkan talaq itu .

(e) sekiranya suami menafikan, Mahkamah hendaklah –

(i) memerintahkan pihak isteri mengemukakan dua orang saksi lelaki bagi memberikan keterangan mengenai perceraian;

(ii) sekiranya pihak isteri tidak mengemukakan keterangan seperti di sub perenggan (i) di atas, Mahkamah hendaklah menawarkan kepada isteri untuk suami bersumpah ;

(iii) sekiranya suami bersumpah, Mahkamah hendaklah menolak dakwaan isteri.

(iv) sekiranya suami enggan bersumpah, Mahkamah hendaklah menawarkan kepada isteri untuk bersumpah *al-Yamin al-Mardudah*.

(v) sekiranya isteri bersumpah *al-Yamin al-Mardudah*, Mahkamah hendaklah mensabitkan dakwaannya.

4. (1) Sekiranya suami engkar hadir dan waran untuk menangkap suami tidak dapat disempurnakan sedangkan isteri mempunyai saksi, Mahkamah bolehlah mensabitkan talaq selepas mendengar keterangan saksi dan sumpah *al-Yamin al-Istizhar* isteri .

(2) Keengganannya suami hadir setelah menerima saman sedangkan isteri tidak mempunyai saksi manakala waran untuk menangkap suami tidak dapat disempurnakan menjadi bukti keengganannya suami bersumpah (*nukul*) dan Mahkamah bolehlah mensabitkan talaq setelah isteri bersumpah *al-Yamin al-Mardudah*.

(3) Sekiranya tempat di mana beradanya suami telah tidak diketahui sedangkan isteri mempunyai saksi, Mahkamah bolehlah mensabitkan talaq selepas mendengar keterangan saksi dan sumpah *al-Yamin al-Istizhar* isteri .

(4) Hakim hendaklah mengendalikan amalan sumpah dengan berpandukan kepada Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006 - Amalan Sumpah Mahkamah Syariah.

Ketua Hakim Syarie Negeri _____